



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON TENGAH JADI PLATFORM PENYATUAN RAKYAT DAN PEMERKASAAN WARISAN NEGARA**

---

**KUALA LUMPUR**, 16 Mei 2026 – Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 merupakan manifestasi komitmen berterusan kerajaan dalam menyemarakkan semangat kebersamaan, memperkukuh jalinan keharmonian serta membina negara bangsa Malaysia yang lebih inklusif, progresif dan bersatu padu. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 dan Program Bermalam di Muzium Bersama Belia di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Beliau menegaskan bahawa agenda perpaduan tidak boleh dipisahkan daripada usaha memperkukuh identiti nasional dan pembinaan negara bangsa yang berasaskan kefahaman sejarah, penghormatan terhadap kepelbagaian budaya serta penghayatan nilai kemanusiaan sejagat. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, perpaduan merupakan kekuatan utama negara yang perlu dipelihara dan diperkasakan merentas generasi.

Penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 amat signifikan kerana bertepatan dengan **Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang bakal diraikan di seluruh dunia pada 18 Mei ini** dengan mengangkat tema “Museums Uniting a Divided World” atau “Muzium sebagai Wadah Penyatuan Dunia yang Terpisah”. Tema tersebut memperlihatkan peranan penting institusi muzium sebagai medium penyatuan masyarakat melalui perkongsian sejarah, warisan, budaya dan nilai kemanusiaan yang mampu merapatkan jurang perbezaan serta memperkukuh identiti negara bangsa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya turut mengumumkan bahawa **kesemua 19 muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia akan dibuka secara percuma kepada seluruh warganegara Malaysia bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 pada 18 Mei ini.** Inisiatif tersebut bertujuan menggalakkan lebih ramai rakyat, khususnya generasi muda, untuk mendekati muzium sebagai institusi ilmu, ruang interaksi sosial, pemangkin perpaduan serta medium pembinaan jati diri dan identiti nasional. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor akan menganjurkan **Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang dijadualkan berlangsung di Johor pada 23 hingga 30 Jun 2026.**

Pada masa yang sama, orang ramai dijemput hadir ke Dataran Muzium Negara bermula 15 hingga 17 Mei 2026 sempena Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah yang menghimpunkan lebih 30 aktiviti berteraskan kebudayaan, warisan, kesenian dan integrasi sosial. Pelbagai pengisian menarik telah dirangka antaranya Pameran Kami Anak Malaysia, Program Bermalam di Muzium Bersama Belia, Eksplorasi Muzium Bersama Unduk Ngadau, Unity Brisk Walk Busana Etnik, Kempen Derma Koleksi, Pesta Sambal Perpaduan, persembahan Colourful Malaysia, FoodUnites, lawatan berpandu percuma pada waktu malam bersama Sukarelawan Muzium Jabatan Muzium Malaysia serta pelbagai aktiviti interaktif lain yang mencerminkan keunikan masyarakat majmuk negara ini.

Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai hormat, ihsan dan perpaduan sosial sebagai asas kekuatan negara. Melalui penghayatan sejarah, warisan dan budaya, usaha membina negara bangsa dapat diperkukuhkan demi melahirkan masyarakat yang lebih bersatu, berdaya tahan dan menghargai kepelbagaian sebagai kekuatan Malaysia.

## **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

16 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 ( 49 )

